

08 OCT 2002

Forum-Goh/I

K'JAAN DI ASIA TENGGARA PERLU SOKONGAN MUSLIM, KATA PM S'PURA

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Ong berkata semua kerajaan di Asia Tenggara perlu memahami keperluan umat Islam di rantau ini dan mendapatkan sokongan mereka agar mereka tidak mudah dijadikan sasaran untuk menganggotai kumpulan Muslim radikal dan ekstremis.

Apa yang harus diutamakan ialah membenarkan umat Islam mengamalkan pegagangan agama mereka, kerajaan berinteraksi dengan mereka dan menentukan bahawa mereka dapat bersaing daripada segi ekonomi dengan masyarakat lain, katanya pada dialog dengan fellow media di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia timur anjuran Firum Ekonomi Dunia di sini hari ini.

Goh berkata kerajaan-kerajaan Asia Tenggara tidak sekali-kali menentang Islam.

"Jika kerana sebab-sebab tertentu mereka (umat Islam) ketinggalan dan tidak dapat menikmati hasil globalisasi, maka mereka mudah menjadi sasaran oleh puak radikal," katanya.

Beliau berkata kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara tidak harus kehilangan sokongan puak Islam yang sederhana untuk menyekat mereka daripada dijadikan radikal oleh kumpulan pelampau.

Goh berkata satu lagi perkara yang penting ialah supaya kerajaan bekerjasama dan faham tentang taktik yang digunakan oleh kumpulan ekstremis.

Katanya apabila Singapura memberkas 19 anggota Jemaah Islamiah, pihak berkuasa mendapati bahawa mereka cuba menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mahathir di Malaysia dengan menimbulkan perbalahan antara kedua-dua negara.

"Mereka merancang meletupkan paip air dan berharap Singapura akan menyerang Malaysia kononnya kerana Malaysia adalah dalangnya," kata Goh.

Katanya anggota JI berharap Singapura dan Malaysia akan bertindak sehingga menjadikan keadaan itu sebagai satu sengketa antara Muslim dan bukan Muslim.

Keadaan seperti itu akan menyebabkan Muslim di negara lain bertindak menyebelahi pihak Muslim dan memberi gambaran seolah-olah Dr Mahathir tidak dapat melindungi kepentingan Muslim, kata Goh.

Beliau berkata kumpulan-kumpulan ekstremis wujud di rantau ini bukan setakat bersifat sementara kerana mereka mempunyai matlamat seperti "mewujudkan negara Islam di rantau ini".

Goh berkata Asia Tenggara merupakan tapak bagi kumpulan-kumpulan seperti itu untuk mengambil kesempatan daripada proses demokrasi di rantau ini khususnya di Indonesia untuk mereka berkuasa.

"Apabila ini berlaku, lebih mudah bagi kumpulan ekstremis lain berkembang bukan saja di Indonesia tetapi juga sekitar rantau ini sehingga mendorong Muslim yang sederhana untuk menjadi radikal dan penganas," katanya.

Goh berkata kerjasama antara kerajaan amat penting dalam menumpaskan kumpulan ekstremis.

"Kita mesti bertekad untuk menumbangkan mereka. Jika kita tidak kalahkan mereka, mereka akan kalahkan kita," katanya.

-- BERNAMA

SHY AHH MAI